



IDEALISMA Dr. Dasriyah Syahril berjaya membawa Kuputra antara koperasi universiti terbaik di Malaysia.



STESEN minyak Petronas di Taman Sri Serdang, Selangor ini merupakan dua buah stesen minyak yang dimiliki Kuputra.

Wibawa Koperasi Kuputra

Oleh AMMAR JAZLIAN MAD LELA
ammaz.jazlian@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Ketika dilantik sebagai Pengerusi Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad (Kuputra) pada 2002, banyak pihak yang meragui kemampuan Dr. Dasriyah-Syahril dalam menentukan hala tuju koperasi itu apatah lagi koperasi tersebut menghadapi pelbagai masalah.

Kelemahan sistem pentadbiran dan operasi perniagaan menyebabkan koperasi itu terbeban dengan masalah kewangan yang tinggi.

Pada Dr. Dasriyah, situasi Kuputra ketika itu tidak ubah seorang pesakit kronik yang perlu menerima rawatan segera.

"Sudahlah perniagaan yang dijalankan rugi, disebabkan ada kakitangan yang tidak amanah, kita juga berdepan dengan pelbagai tuntutan di mahkamah disebabkan beban hutang yang tinggi," katanya tanpa bersekolong kepada *Kosmo!* di Serdang dekat sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, Ketua Perkhidmatan Per-

gigian di Pusat Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu membuktikan kebolehan-nya tidak terbatas dalam bidang perubahan semata-mata sebaliknya lebih daripada itu.

Selepas dua tahun mengemudi koperasi itu, beliau berjaya memulihkan Kuputra sekali gus mencapai objektif penubuhannya iaitu menjana keuntungan.

"Kita belajar daripada kesilapan lalu, misalnya, kita memperbaiki kelemahan memabitkan dasar, pentadbiran dan operasi perniagaan Kuputra," katanya.

Lebih membanggakan, Kuputra turut mencatatkan keuntungan selama lapan tahun berturut-turut bermula dari 2004 sehingga 2011 dengan pembayaran dividen tidak kurang daripada 10 peratus.

Terbaharu, Kuputra tersenarai di tangga ke-23 Indeks 100 Koperasi Terbaik 2012 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Tambah Dr. Dasriyah, di peringkat awal penubuhannya dahulu, perniagaan Kuputra

lebih tertumpu kepada pinjaman kredit dan pasar mini.

Bagaimanapun, sejak 1980-an, ia mula berkembang dengan mencakupi pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, kepenggunaan, hartanah dan kewangan.

Contohnya, dua buah stesen minyak Petronas Dagangan Berhad yang dikendalikan oleh koperasi tersebut di Taman Sri Serdang dan Taman Serdang Raya dekat sini menjana lebih daripada separuh keuntungan koperasi.

"Kita mempunyai bangunan Wisma Koperasi UPM Berhad yang disewakan sebagai ruang pejabat di samping sebuah rumah kedai empat tingkat di Diamond Square bernilai RM3 juta yang kini sedang dalam pembinaan.

"Pada masa yang sama, keuntungan kita juga turut digerakkan melalui kedai buku, kedai cenderamata, wakil khidmat Bank Rakyat, pusat asuhan kanak-kanak dan tadika sewaan kios, premis perniagaan dan sewaan pengangkutan," katanya.

Apa kata mereka

SAYA kerap berkunjung ke Kedai Buku Kuputra untuk mendapatkan pelbagai bahan rujukan ilmiah dan keperluan belajar kerana harganya sangat berpatutan.

NURASYIKIN RAMLI, 22
Pelajar UPM



KEWUJUDAN pelbagai cabang perniagaan oleh Kuputra memberi kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan pelbagai keperluan harian tanpa perlu keluar kampus.

DAH NOR ISCAHYONO
MOHD. JAIZ, 22
Pelajar UPM

SEBAGAI ahli koperasi Kuputra, setiap kakitangan bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan melalui pemberian dividen malah berpeluang mendapatkan pelbagai faedah yang ditawarkan.

MOHD. ASRUL HAMDAN, 30
Kakitangan UPM



Semangat berpasukan punca kejayaan

KUALA LUMPUR - Kejayaan yang dikecapi oleh Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad (Kuputra) adalah disebabkan semangat berpasukan yang wujud dalam diri setiap kakitangan dan anggota koperasi.

Pengerusinya, Dr. Dasriyah Syahril berkata, kejayaan itu dicapai berkat usaha keras, perancangan jitu serta sokongan daripada anggotanya yang telah 37 tahun berjuang membangunkan dan menajayakan koperasi itu.

"Asas kejayaan kita hari ini ialah disiplin serta komitmen yang tinggi di samping keinginan untuk meneroka peluang perniagaan baharu yang lebih kompetitif

dan berdaya saing.

"Pada masa yang sama, sokongan dan kepercayaan dalam kalangan ahli dapat memastikan hala tuju Kuputra seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa," katanya kepada *Kosmo!* di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Katanya, biarpun bermatlamat menjana pendapatan dan pulangan stabil kepada anggotanya, Kuputra tetap tidak melupakan tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat khususnya dalam kalangan kakitangan dan pelajar universiti.

Beliau berkata, Kuputra mempunyai beberapa program Skim Galakan Aka-

demik untuk kakitangan dan anak-anak anggota serta sumbangan Anugerah Pelajar Cemerlang untuk merangsang minat pelajar supaya menjadi insan cemerlang.

Katanya, pada masa yang sama, pihaknya turut menyalurkan sumbangan untuk pelbagai aktiviti pelajar dan universiti seperti Tabung Wakaf Ilmu UPM, Tabung Gaza dan Tabung Lahad Datu.

Ditanya perancangan masa depan, Dr. Dasriyah memberitahu, pihaknya merancang untuk membina sebuah gelanggang futsal tertutup bernilai RM2.2 juta berhampiran Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di UPM.